

## HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca helaian maklumat produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am dengan teliti.

Nama Produk : Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (*Business Recapitalisation Facility*, BRF)  
 Tarikh : [Tarikh helaian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

### 1. Apakah produk ini?

Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (BRF) ditubuhkan oleh BNM dengan peruntukan dana sebanyak RM 1.0 bilion [dikongsi dengan semua Institusi Kewangan (FI) yang mengambil bahagian] dengan kemudahan pembiayaan ditawarkan sehingga RM5.0 juta bagi setiap PKS.

BRF bertujuan untuk menyokong PKS untuk pulih dan berkembang, disamping menguruskan tahap keberhutangan mereka melalui penyelesaian pembiayaan yang inovatif. Objektifnya untuk menambah baik struktur modal PKS khususnya mereka yang ingin melakukan perbelanjaan modal, supaya PKS harus mempunyai hutang kepada ekuiti (D/E) yang lebih terurus selepas menggunakan BRF.

Di bawah BRF, PKS boleh mendapatkan pembiayaan campuran yang merupakan gabungan pembiayaan hutang daripada PFI dan pembiayaan ekuiti melalui pembiaya ekuiti pihak ketiga (selepas ini dirujuk sebagai "EF").

Nota:-

EF pihak ketiga yang berpotensi (tetapi tidak terhad kepada): SME Bank, MIDF, pitchIN, MAVCAP dan Ekuinas.

Ia terbuka kepada PKS Malaysia dalam semua sektor dengan syarat mereka tidak mempunyai sebarang pinjaman terjejas setakat 31 Disember 2019.

PKS mesti memenuhi semua perkara berikut:

- i. memenuhi definisi PKS yang dikeluarkan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (NESDC);
- ii. berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau pejabat pihak berkuasa/daerah di Sabah dan Sarawak; atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan profesional;
- iii. Rakyat Malaysia yang menetap di Malaysia memegang sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dalam PKS
- iv. Pegangan Saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak boleh melebihi 20%;  
 (Nota: Had 20% pegangan saham oleh PLC dan GLC tidak terpakai jika pemegang saham tersebut mengambil peranan sebagai pembiaya ekuiti pihak ketiga)

### 2. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini?

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jumlah Pembiayaan</li> </ul>	Maksimum: RM5.0 juta*, setiap PKS Nota: * Bagi PKS dengan perolehan melebihi RM25 juta Nota: Jumlah pembiayaan agregat maksimum sebanyak RM5.0 juta bagi setiap PKS di bawah Dana BNM untuk PKS <u>TIDAK</u> terpakai untuk Kemudahan ini. Sekiranya jaminan daripada SJPP dikenakan, jumlah pembiayaan dibenarkan adalah tertakluk kepada had kumpulan agregat tidak melebihi had pembiayaan RM 50.0 juta untuk semua skim SJPP lain, termasuk kemudahan ini. Nota: Kelulusan dan jumlah pembiayaan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank.
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tujuan Pembiayaan</li> </ul>	Untuk membiayai Modal Kerja dan CAPEX (termasuk bangunan bukan kediaman untuk kegunaan perniagaan sahaja). Pembiayaan tanah dikecualikan.
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jenis Kemudahan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pinjaman Bertempoh</li> <li>• Surat kredit</li> </ul>

▪ Tempoh Pembiayaan	Sehingga 10 tahun	
▪ Harga/Kadar Faedah	<b>Kemudahan</b>	<b>Indikatif Penetapan Harga / Kadar Faedah</b>
	Pinjaman Bertempoh	Kadar efektif 4.00% setahun termasuk 0.5% setahun yuran jaminan
	Surat Kredit	0.1% setiap mensem (min RM75.00)
	<u>Pembiayaan Ekuiti</u> Tiada had pada pulangan pelaburan yang dijangka oleh institusi kewangan atau pembiaya ekuiti pihak ketiga (EF). Pulangan yang dijangka akan ditentukan dan dipersetujui oleh kedua-dua PKS dan pembiaya ekuiti pihak ketiga (EF).	
▪ Perlindungan Jaminan SJPP	80% daripada amaun pembiayaan.	
▪ Ketersediaan/Tempoh Permohonan	Dibuka sehingga penggunaan penuh had skim sebanyak RM 1.0 bilion sahaja.	
▪ Faedah Tambahan Lain	1. Insurans Keyman 2. Kad Komersial 3. SME Overdraft Protector Plus (ODP) 4. Perkhidmatan Pengurusan Tunai/Gaji	

### 3. Apakah tanggungjawab saya?

#### I. Pinjaman Berjangka

- Membuat pembayaran bulanan faedah pembiayaan sebelum pengeluaran pembiayaan penuh dikeluarkan oleh pihak Bank
- Membuat pembayaran ansuran bulanan setelah pinjaman dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak Bank.
- Membuat pembayaran jumlah tertunggak (jumlah prinsipal termasuk dan faedah yang dikenakan) yang terhutang kepada bank semasa pembatalan atau penamatan atau penarikan balik kemudahan pembiayaan.

Pembayaran balik pinjaman secara ansuran bulanan (dikira berdasarkan kadar faedah semasa, tempoh pinjaman dan baki pinjaman terkumpul). Jumlah bayaran ansuran akan bermula setelah pengeluaran pinjaman dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak Bank.

▪ Jumlah Ansuran Bulanan*	RM _____ (Jumlah Pinjaman Termasuk Kadar Faedah)
▪ Jumlah Keseluruhan Ansuran Daripada Jumlah Pembiayaan*	RM _____

#### Contoh ilustrasi

Kadar Faedah : 4.00% kadar tetap setahun

Jumlah Pinjaman : RM1,000,000

Tempoh Pinjaman : 10 tahun

Kadar = 4.00% kadar tetap setahun	
Bayaran ansuran bulanan	RM 10,125.00
Jumlah faedah pada akhir 10 tahun	RM 214,942.00
Jumlah pembayaran pada akhir 10 tahun	RM 1,214,942.00

\* Nota: Jumlah ansuran dan jumlah bayaran balik mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KPA

## II. Overdraif

- Membuat bayaran faedah secara bulanan mengikut jumlah pinjaman yang telah digunakan.
- Membuat pembayaran jumlah tertunggak (jumlah prinsipal termasuk dan faedah yang dikenakan) yang terhutang kepada bank semasa pembatalan atau penamatan atau penarikan balik kemudahan pembiayaan.

Bayaran faedah bulanan akan dikira berdasarkan kiraan harian menggunakan kadar faedah efektif semasa, baki semasa dan bilangan hari penggunaan dalam satu bulan.

▪ Bayaran faedah Bulanan*	RM _____ (Bayaran ke atas jumlah faedah)
▪ Jumlah Kemudahan yang Perlu Dibayar**	Secara bulanan/ setiap 3 bulan/ setiap 6 bulan/ tahunan atau secara penyelesaian semua sehingga semua jumlah kemudahan selesai dibayar dalam tempohnya.

**Nota** : \* Jumlah ansuran dan jumlah bayaran balik mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KPA

\*\*Seperti yang diluluskan oleh pihak Bank

## III. Kemudahan Perdagangan

- Membuat pembayaran faedah/komisen bulanan berdasarkan jumlah kemudahan yang digunakan.
- Mematuhi terma dan syarat bagi kemudahan perdagangan yang relevan yang diberikan oleh bank seperti yang ditentukan dalam surat tawaran, syarat dan terma am dan standard untuk kemudahan perdagangan.

**4. Berapakah yuran dan caj yang perlu dibayar?**

▪ Duti Setem	Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)
▪ Yuran Jaminan Yang Perlu Dibayar Kepada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)	0.5% yuran jaminan setahun ke atas baki tertunggak. Yuran jaminan termasuk dalam kadar faedah.
▪ Yuran Komitmen	Yuran komitmen pada kadar 1.00% setahun akan dikenakan pada bahagian kemudahan pinjaman berjangka yang belum digunakan.
▪ Yuran Pembatalan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)	RM100.00 bayaran pembatalan ke atas pinjaman SJPP yang diluluskan.
▪ Cukai	Tertakluk kepada semua cukai dan pungutan yang dikenakan sekarang atau selepasnya oleh undang-undang
▪ Lain-lain Yuran & Caj	Semua kos dan perbelanjaan seperti yuran guaman atau lain-lain caj dokumentasi yang terlibat bagi penyediaan semua dokumen permohonan dan melengkapkan dokumen untuk melindungi pihak Bank

**5. Sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?**

▪ Denda Pembayaran Lewat Pada Pinjaman Berjangka	1.00% setahun ke atas jumlah tertunggak
▪ Hak Penyelesaian	Pihak Bank berhak menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka di Bank untuk melunaskan apa jua jumlah ansuran tertunggak melibatkan pembiayaan ini.
▪ Kadar Kemungkiran	Jika berlaku kemungkiran (tiada pembayaran) sebanyak tiga (3) kali berturut-turut, pembayaran faedah sebelum bayaran ansuran atau semasa bayaran ansuran, pihak Bank berhak untuk menukar kadar keuntungan efektif ditambah kepada + 2.50% setahun atau + 1.00% setahun melebihi kadar yang telah ditetapkan, yang mana lebih tinggi dan dikenakan ke atas baki pembiayaan, atau pihak Bank juga berhak berdasarkan budi bicara mengenakan lain-lain kadar yang ditentukan pada bila-bila masa.

*Nota: Notis akan diberi kepada pelanggan*

**6. Jika saya menjelaskan baki pembiayaan sebelum tempoh matang?**

Tempoh Penyelesaian	Tiada
Yuran Penalti Penyelesaian Awal	Tiada

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans/ takaful?**

Polisi insurans berikut disyorkan kepada pelanggan (tidak terhad kepada):

- a) Skim Perlindungan Peribadi Berkurangan Berjangka (PRTA)
- b) Perlindungan Overdraf PKS (SME ODP Plus)
- c) PremierCash Refund

Polisi insurans yang di sebutkan di atas adalah untuk melindungi pemilik syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.

**8. Adakah saya memerlukan penjamin?**

Ya, Jaminan Bersama dan Berasingan diperlukan untuk Syarikat Sendirian Berhad manakala Jaminan Individu diperlukan oleh Syarikat Pemilikan Tunggal, Rakan Kongsi atau Perkongsian Liabiliti Terhad.

**9. Apakah risiko utama?**

Kadar faedah pembiayaan yang telah ditetapkan ini boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pinjaman Asas (KPA). Peningkatan dalam kadar faedah boleh menyebabkan jumlah bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, sila hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai alternatif bayaran balik.

**10. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskinikan maklumat perhubungan anda, anda boleh menghubungi kami melalui satu daripada saluran berikut, M2U atau cawangan bank dimana akaun anda diselenggarakan.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- I) Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif bagi bayaran balik. anda boleh menghubungi kami di alamat yang berikut:

Pusat Perniagaan: \_\_\_\_\_  
Alamat: \_\_\_\_\_  
Tel/Faks: \_\_\_\_\_ e-mel: \_\_\_\_\_

- II) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. anda boleh menghubungi AKPK di alamat yang berikut:

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: 1-800-22-2575 E-Mail: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- III) Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, sila hubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:

Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato'Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: 03-21741515 e-Mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**12. Di mana boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

- Cawangan Maybank atau Pusat Perniagaan
- Hotline Pelanggan maybank di 1-300-88-6688 (Malaysia), +603 7844 3696 (Luar Negara), atau E-mail:mgcc@maybank.com

**13. Pakej pembiayaan lain yang disediakan:**

1. Pakej Pembiayaan SME Plus
2. Fast Trade
3. Maxiplan
4. Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH (PGGS)
5. Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF)

**Penafian Tuntutan**

*Maklumat yang disediakan dalam helaian maklumat produk ini adalah bagi tujuan informasi dan tidak terikat kepada pihak Bank. Terma dan syarat adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan tertakluk kepada penilaian kredit serta kelulusan kemudahan pembiayaan ini.*

**Nota Penting:**

*Pihak bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang jika anda gagal untuk membuat bayaran balik pembiayaan anda.*

**Pengakuan Pelanggan**

Saya mengakui bahawa penjelasan yang mencukupi telah diberikan oleh pegawai bank kepada saya mengenai syarat-syarat penting dalam dokumen ini.

[\*Untuk Perkongsian/Pemilikan Tunggal]

[\*Untuk Syarikat]

.....  
Cop Perniagaan  
Nama Penandatanganan yang Sah:  
Nombor Kad Pengenalan:  
Tarikh:

.....  
Penandatanganan yang Sah dan Cop Perniagaan  
untuk <\*Syarikat/Nama Pelanggan>  
Nama:  
Nombor Kad Pengenalan:  
Tarikh: